

## RIBA

Allah berfirman : "Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda, dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya". (Surah Ali 'Imran, Ayat 130)

"Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba". (Surah Al-Baqarah, Ayat 275)

Mereka menghalalkan riba, menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah s.w.t. Pada hari kiamat ketika Allah s.w.t membangkitkan semua manusia, mereka akan bergegas keluar, kecuali orang-orang yang memakan riba. Orang-orang yang memakan riba akan berdiri lalu jatuh tersungkur dan begitulah seterusnya. Ini adalah kerana harta riba yang mereka makan akan membiak dalam perut mereka dan akan memberatkan mereka pada hari kiamat. Setiap kali mereka bangun, mereka akan jatuh tersungkur. Mereka ingin bergerak seperti orang lain, namun tidak mampu melakukannya.

Qatadah berkata, "Sesungguhnya orang yang makan riba itu akan dibangkitkan dalam keadaan gila pada hari kiamat. Itu merupakan tanda yang ada pada mereka yang dapat disaksikan oleh semua manusia". [1]

Dalam riwayat yang lain Nabi s.a.w bersabda, "Ketika aku dimi'rajkan aku mendengar suara guruh dan halilintar di atasku, di langit tingkat ke tujuh. Aku melihat ramai orang, perut mereka di hadapan seperti rumah yang dipenuhi oleh ular dan kala jengking dan dapat dilihat di sebalik perut mereka. Lalu aku bertanya, "Wahai Jibril, siapakah mereka itu?". "Mereka adalah orang-orang yang memakan harta riba". [2]

Diriwayatkan dari Abdurrahman bin Abdullah bin Mas'ud dari ayahnya, "Apabila zina dan riba telah merebak di suatu kampung maka sesungguhnya Allah telah mengizinkan kebinasaan baginya".[3]

Secara marfu', Umar r.a meriwayatkan, "Apabila manusia telah menjadi bakhil terhadap dinar dan dirham, menjual beli dengan 'inah (riba), mengikuti ekor-ekor lembu (sibuk dengan urusan penternakan) dan meninggalkan jihad fi sabilillah, nescaya Allah akan menimpakan bala' yang tidak akan diangkat sampai mereka kembali kepada ajaran agama mereka". [4]

Diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda, "Tidaklah riba itu kelihatan terang-terangan dalam satu masyarakat kecuali kelihatan terang-terangan pula penyakit gila. Tidaklah zina itu merebak di dalam satu masyarakat kecuali merebak pula kematian. Dan tidaklah suatu kaum itu mengurangi sukatan serta timbangan kecuali Allah akan menahan turunnya hujan bagi mereka". [5]

Sebuah hadith yang panjang disebutkan bahawa, "Sesungguhnya orang yang makan hasil riba itu akan diazab dengan benang di sungai merah bagai darah sejak dia mati sampai hari kiamat kelak. Mereka dilontar dengan batu-batan iaitu merupakan harta haram yang telah mereka kumpulkan di dunia dulu dengan susah payah. Mereka juga akan dilontar dengan batu-batan dari api sebagaimana mereka telah menelan barang haram yang telah mereka kumpulkan di dunia dulu. Itulah azab bagi mereka di alam barzakh sebelum datangnya hari kiamat, dan ditambah lagi dengan laknat dari Allah".

Dalam sebuah hadith sahih Rasulullah s.a.w bersabda, "Empat golongan, Allah berhak untuk tidak memasukkan mereka ke dalam syurga dan tidak dapat merasakan kenikmatannya. Mereka adalah orang yang terus-menerus minum arak, orang yang memakan riba, orang yang memakan harta anak yatim dan orang yang derhaka kepada kedua orang tuanya. Kecuali jika mereka bertaubat". [6]

Diriwayatkan bahawa mereka yang memakan riba akan dikumpulkan di padang Mahsyar nanti dalam rupa anjing dan babi, disebabkan tipu daya mereka untuk memakan hasil riba, sebagaimana ditukar rupa "ashhabus sabti" (orang-orang Yahudi). Mereka merancang dengan tipu daya supaya dapat menangkap ikan yang telah dilarang oleh Allah pada hari Sabtu. Mereka membuat empangan-empangan kecil agar ikan masuk ke dalamnya pada hari Sabtu dan mereka menangkapnya pada hari Ahad. Ketika itulah Allah menukar rupa mereka menjadi rupa kera dan babi. Begitu juga akibatnya dengan orang-orang yang cuba membuat tipu daya supaya dapat menikmati hasil riba. Sesungguhnya tidak ada satu tipu daya pun yang dilakukan yang tersembunyi dari Allah.

Ayyub as-Sukhtiyani berkata, "Mereka hendak menipu Allah seperti menipu kanak-kanak. Padahal sekiranya mereka melakukannya secara terang-terangan nescaya hal itu lebih ringan atas mereka".

Rasulullah s.a.w bersabda, "Riba itu terdiri dari tujuh puluh ribu pintu, yang paling ringan adalah seperti jika seseorang menikahi ibunya, dan yang paling berat adalah jika seorang muslim mencemarkan kehormatan saudara muslimnya". [7]

Anas r.a. berkata: Rasulullah s.a.w berkhotbah di hadapan kami. Baginda menyebut tentang riba dan menjelaskan betapa besarnya urusan riba itu. Baginda bersabda, "Satu dirham yang diperolehi (dari hasil riiba) oleh seseorang itu lebih dahsyat daripada berzina tiga puluh enam kali dalam pandangan Islam". [8]

Rasulullah s.a.w. juga pernah bersabda, "Riba itu tujuh puluh (tingkatan) dosa. Yang paling ringan seperti seorang laki-laki yang menggauli ibunya". Dalam riwayat yang lain, "Yang paling ringan adalah seperti seorang laki-laki yang menikahi ibunya". [9]

Abu Bakar As-Siddiq r.a. berkata, "Orang yang memberi tambahan dan yang meminta tambahan, keduanya akan masuk neraka".

Mari memohon 'afiyah kepada Allah s.w.t.

### **Pemberian Orang Yang Berhutang Kepada Orang Yang Dihutangi**

Ibnu Masud r.a. berkata, "Apabila kamu memberi hutang atas seseorang lalu ia memberimu sesuatu, janganlah kamu ambil. Sebab itu termasuk riba". [10]

Hasan al-Bashri r.a. berkata, "Apabila seseorang berhutang kepadamu, maka apa yang kamu makan dari rumahnya merupakan barang haram".

Ini semua berdasarkan pada sabda Nabi s.a.w, "Tiap-tiap pinjaman yang ditujukan untuk menghasilkan manfaat, maka itu termasuk riba". [11]

Ibnu Mas'ud r.a berkata, "Barangsiapa memberi syafaat (rekomendasi) kepada seseorang lalu orang itu memberinya hadiah, maka itu adalah haram". [12]

Pernyataan ini sesuai dengan sabda Nabi s.a.w:

"Barangsiapa memberi syafaat kepada seseorang lalu orang itu memberinya hadiah dan diterimanya, maka ia telah memasuki pintu yang besar dari antara pintu-pintu riba". [13]

Marilah memohon ampunan dan 'afiyah dalam urusan agama, dunia, dan akhirat kepada Allah.

---

### **NOTA KAKI**

1. *Diriwayatkan oleh Ath-Thabari dalam tafsirnya (2/102), para perawinya tsiqah.*

2. *Diriwayatkan oleh Ahmad dan sanadnya lemah*

3. *Diriwayatkan oleh Ahmad (1/393,394,402), Abu Daud (3333), At-Tirmizi (1206), Ibnu Majah (2277), Abu Ya'la (4960). Ibnu Hibban (4410) dari Ibnu Mas'ud secara marfu' dengan lafaz "Ma zhahara min qaumin Az-zina war Riba" – Al-Hadith. Dihasankan oleh Asy-Syaikh dalam "Sahih Al-Jami' " (5634). Diriwayatkan oleh Abu Ya'la dan Al-Hakim (2/37) dan Al-Baihaqi Asy-Syu'ab (5033), (5143) dan dihasankan oleh Asy-Syaikh.*

4. *Diriwayatkan oleh Ahmad (2/42,84), Ath-Thabrani "Al-Kabir" (13583,13585), Abu Ya'la (5633), Abu Daud (3462), Ab Nu'aim (1/313) dan Al-Baihaqi "Syu'ab" (3920) dari Ibnu Umar dan disahihkan oleh Asy-Syaikh dalam "Sahih Al-Jami' " (675)*

5. Hadith ini memiliki banyak penguat.

6. Telah disebutkan sebelum ini dan hadith Samurah diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan lain-lain.

7. Diriwayatkan oleh Ibnu Majah (2275), Al-Hakim (2/3), Abu Nu'aim dalam Akhbar Ashbahan (2/61) dan Al-Baihaqi Asy-Syu'ab (5131) dari Ibnu Mas'ud dengan lafaz: "Riba itu ada tujuh puluh tiga pintu". Dan disahihkan oleh Asy-Syaikh dalam "Ash-Sahih" (3539). Dan diriwayatkan oleh Al-Baihaqi (5132), Al-Uqaili (2/258) dan Ibnu Adi (5/1913) dari Abu Hurairah dengan lafaz "Riba itu ada tujuh puluh pintu". Lihat "Ash-Sahih" (1871) dan lafaz dari penulis ini diriwayatkan oleh Al-Baihaqi (5133), Al-Uqaili (2/257) dan Ibnu Adi (5/1913) dan dikuatkan oleh riwayat sebelumnya.

8. Diriwayatkan oleh Al-Baihaqi "Asy-Syu'ab" (5135), Ibnu Adi (4/1548), Ibnu Abi Dunya dalam "Ash-Shamtu" (175) dan Ibnul Jauzi dalam "Al-Maudhu'at" (2/245) dari Anas dengan lafaz "innar rajula yushibu minar riba a'zhamu 'indallahi minal Khathi'ah" – al-Hadith. Dan diriwayatkan oleh Ahmad (5/225), Ath-Thabrani (2703) dalam "Al-Ausath" dan Ad-Daruquthni (3/16) dari Abdullah bin Hanzhalah dengan lafaz "dirhamun mim riba ya'kuluhur rajulu wa huwa ya'lamu asyddu 'indallahi min sittah wa tsalaatsina zaniyyah". Dan disahihkan oleh Asy-Syaikh dalam "Ash-Shahihah" (1033) dan "Ash-Shahih" (3375). Dan diriwayatkan oleh Al-Baihaqi dalam "Asy-Syu'ab" (5130) dan Abu Nu'aim dalam "Akhbar Ashbahan" (1/234) dari Ibnu Abbas seperti itu.

9. Diriwayatkan oleh Ibnu Majah (2274) dan Al-Baihaqi "Asy-Syu'ab" (5134) dari Abu Hurairah dan disahihkan oleh Asy-Syaikh dalam "Ash-Sahih" (3541)

10. Diriwayatkan seperti itu oleh Abdur Razzaq dalam "Al-Mushannat" (14654,14655) dari Ibnu Umar dan sanadnya sahih.

11. Diriwayatkan oleh Al-Baihaqi (5/350) dari Fadhalah bin Ubaid secara mauquf dalam sanadnya terdapat perawi majhul. Dan diriwayatkan oleh Al-Baghawi secara marfu' dari Ali bin Abi Thalib. Sedangkan ia dha'if. Lihat semula "Al-Irwa'" (1398). Dan diriwayatkan oleh Al-Baihaqi (5/350) dari Ibnu Abbas seperti itu dan sanadnya sahih. Dan dari Ubai bin Ka'ab, Ibnu Mas'ud dan Ibnu Abbas: Sanadnya sahih sebagaimana ucapan Asy-Syaikh dalam Al-Irwa' (1397)

12. Diriwayatkan oleh Abdur Razzaq (14664) dan Al-Baihaqi (10/139)

13. Diriwayatkan oleh Ahmad (5/261), Abu Daud (3524), Ath-Thabrani "Al-Kabir" (7853,7928) dari Abu Umamah dan dihasankan oleh Asy-Syaikh dalam "Sahih Al-Jami'" (6316).

[Petikan dan saringan dari kitab "Dosa-dosa Besar" karya Imam Az-Zahabi]